

Siasatan 1MDB tiada kaitan elemen jenayah

KUALA LUMPUR – Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy semalam menjelaskan siasatan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai pelaburan luar negara syarikat itu tiada kaitan dengan elemen jenayah.

Katanya, maklumat yang diminta oleh BNM adalah mengenai hal-hal pentadbiran semata-mata.

“Kesalahan mengenai pelaburan asing yang dilaporkan Bank Negara terhadap 1MDB adalah berkaitan soal pentadbiran bukannya berkaitan jenayah.

“Kami akur dan akan selesaikan apa yang diminta oleh BNM,” katanya pada Majlis Penerangan Perdana mengenai 1MDB, Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik dan Bajet 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini semalam.

Menurut Arul Kanda, sehingga kini, sebanyak lima agensi sedang menjalankan siasatan ke atas 1MDB iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, BNM, Polis Diraja Malaysia, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan Jabatan Audit Negara, menjadikannya satu-satunya syarikat yang paling disiasat di negara ini.

– Bernama